

13 OCT 1997

Mahathir-CHOGM

MAHATHIR AKAN BANGKITKAN ISU MATAWANG PADA CHOGM

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka membangkitkan mengenai krisis matawang di Asia Tenggara apabila beliau berucap pada Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Edinburgh akhir bulan ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Kadir Mohamed berkata ini akan akan menyusul selepas Dr Mahathir menyampaikan tiga lagi ucap utama pada majlis di London sebelum mesyuarat di Edinburgh yang bermula secara rasmi pada 24 Okt.

Ketika berucap pada taklimat khas mengenai CHOGM di sini, beliau berkata pada 21 Okt, Dr Mahathir dijadual berucap atas tajuk Malaysian-British: The London Dialogue on the subject of "Translating Vision into Reality-The Malaysian Experience".

Kemudian pada hari itu, beliau akan berucap di United World College on "Asia's Place, Asia's Role in the Global Commonwealth of the 21st Century".

Pada 22 Okt, Dr Mahathir akan menyampaikan ucap utama bertajuk "The Key Issues for the Commonwealth in Promoting Trade and Investment" pada Forum Perniagaan Komanwel.

Mesyuarat empat hari itu dengan tema khas "Perdagangan, Pelaburan dan Pembangunan-Laluan Ke Arah Kemakmuran Komanwel", akan dirasmikan oleh Ratu Elizabeth II.

Abdul Kadir berkata Dr Mahathir akan mengetuai delegasi Malaysia mengandungi 22 anggota termasuk Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Setakat ini, enam permohonan dibuat oleh para pemimpin untuk menemui Dr Mahathir, kata beliau.

Beliau berkata pengerusi eksekutif Sukom Ninety Eight Bhd Jen (B) Tan Sri Hashim Ali juga akan memberi taklimat selama 15 minit di Edinburgh mengenai persiapan Kuala Lumpur bagi menganjurkan Sukan Komanwel ke-16 tahun depan.

Katanya. pertemuan para pemimpin itu akan didahului dengan mesyuarat para pegawai kanan Komanwel.

Abdul Kadir berkata Kumpulan Tindakan Menteri Komanwel juga akan bermesyuarat bagi merumuskan cadangannya kepada ketua-ketua kerajaan Komanwel berhubung status Nigeria, Sierra Leone dan Gambia dalam pertubuhan 54 anggota itu.

Malaysia akan diwakili oleh Wakil Khas kepada Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam.

Beliau berkata mesyuarat yang selari akan diadakan bagi menangani kebimbangan negara-negara anggota yang kecil. -- BERNAMA

MAM FAZ